



ABDULLAH (tengah) bersama Manap (kiri) dan Amat Jutrah (kanan) serta barisan Exco Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah yang menghadiri majlis doa selamat baru-baru ini.

Majlis doa selamat untuk Exco Kekaumas tunai haji

UL 28.09.2012 B4

KOTA KINABALU: Majlis bacaan doa selamat untuk Exco Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas), Manap Hj Jainudin yang menunaikan haji ke Mekah pada 26 September telah selamat dilangsungkan di Dewan Resital, Sekolah Pengajian Seni (SPS) UMS, baru-baru ini.

Majlis itu yang turut dihadiri oleh Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said dan Presiden Kekaumas, Amat Jutrah Musnih telah diadakan secara sederhana. Mereka yang hadir termasuklah Exco Kekaumas, staf SPS, Perpustakaan dan Canselor.

Dalam ucapannya, Abdullah mengucapkan syabas dan tahniah kepada Manap kerana telah terpilih pada tahun ini untuk mengerjakan ibadah

haji ke Mekah.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof Dr Mohd Harun Abdullah, mendoakan agar Manap mendapat haji mabrur serta dalam keadaan sihat dan bertenaga semasa pergi dan kembali ke tanah air nanti.

Sementara itu, Amat Jutrah dalam ucapannya juga mendoakan kesejahteraan semoga Manap selamat pergi dan kembali dengan kesihatan yang baik.

Katanya, jika dengan izin Allah segala permohonan yang baik dan ikhlas pastinya Allah akan mempermudahkan kepadanya dengan sekilip mata seperti Manap tanpa diduga telah mendapat panggilan serta-merta terpilih menunaikan haji pada tahun ini.